

26 AUG 1999

Patriotisme

PATRIOTISME DAPAT MENANGKIS ANCAMAN LUAR

KOTA KINABALU, 26 Ogos (Bernama) -- Semangat patriotisme patut disemai di kalangan generasi muda kerana ia akan dapat membentuk masyarakat yang dinamik dan mampu menangkis segala ancaman dari dalam dan luar negara, kata Menteri Pembangunan Belia, Kebudayaan dan Kemajuan Sukan Datuk Rubin Balang.

Kebelakangan ini, negara menghadapi pelbagai tekanan dan tohmahan dari dalam dan luar negara yang tidak ingin melihat Malaysia maju, katanya.

Namun, semangat Malaysia Boleh yang dikobarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dapat meyakinkan rakyat negara ini bahawa mereka setanding dengan negara maju jika mereka bersungguh-sungguh, katanya pada majlis perasmian Pameran Patriotisme 2020 anjuran Jabatan Muzium Sabah hari ini.

Rubin berkata semangat patriotisme juga akan menjamin kejayaan negara ini pada alaf baru.

Pameran Patriotisme 2020 menunjukkan pencapaian cemerlang tokoh-tokoh dalam bidang politik, ekonomi, sains dan pendidikan di samping kejayaan pertubuhan dan badan-badan bukan kerajaan.

Menurut Rubin, pencapaian yang dipaparkan dalam pameran itu diharapkan mampu mendorong lebih ramai golongan belia mencapai kejayaan yang lebih besar.

Pengarah Jabatan Muzium Sabah Joseph P.Guntavid berkata beliau percaya pameran itu akan dapat menyedarkan masyarakat yang selama ini sering mengagungkan nilai dan budaya barat supaya mengagumi keupayaan tokoh tempatan.

Pameran Patriotisme 2020 diilhamkan daripada puisi Perdana Menteri yang bertajuk "Perjuangan Yang Belum Selesai" dan diadakan sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-42.

Pameran yang dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai itu akan berlangsung selama dua bulan.

-- BERNAMA

HAK NMO